

**JICA Sedia RM1.6 Juta Geran Kerjasama Bantu Kurangkan Kerugian Air
Bernama
18 Mac, 2014**

GEORGE TOWN, 18 Mac (Bernama) -- Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) menyediakan geran kerjasama sebanyak RM1.6 juta dalam usaha mengurangkan kadar air tidak terawat (NRW) di Malaysia.

JICA telah melantik Tokyo Stuido Services (TSS) untuk bekerja secara langsung dengan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mengenai program NRW untuk tiga tahun bermula 1 Jan 2014 sehingga 30 Nov 2016.

Ketua Menteri Lim Guan Eng berkata projek berkenaan bertujuan membolehkan PBAPP memperoleh teknologi Jepun yang terkini dalam pengurusan NRW bagi mengurangkan secara terus kerugian air di Pulau Pinang.

"Sepasukan jurutera dan jurutenik PBAPP akan dilatih sebagai pensyarah NRW. Sebaik sahaja pasukan ini bersedia, ia akan menyediakan latihan dalam pengurangan NRW kepada operator air yang lain di seluruh negara dengan sokongan dari Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani program kerjasama itu antara JICA dan PBAPP. JICA diwakili Ketua Perwakilan Pejabatnya di Malaysia, Kunihiko Sato manakala PBAPP oleh Pengurus Besar Ir. Jaseni Maidinsa.

Program kerjasama JICA mengenai 'latihan teknologi pengurangan NRW dan kapasiti pembangunan di Malaysia' ini merupakan satu inisiatif antarabangsa untuk faedah operator air di Malaysia.

Asas ini akan bermula di Pulau Pinang dan faedah yang akan dikongsi dengan negeri-negeri lain. JICA akan menyediakan geran RM1.6 juta untuk perbelanjaan manakala PBAPP akan memperuntukkan tanah untuk bidang latihan itu dan melantik satu pasukan pensyarah pelatih.

Projek tersebut meliputi penubuhan pusat latihan NRW di Pulau Pinang, menggunakan teknologi Jepun yang terkini dalam pengurangan NRW dan membangunkan pasukan pensyarah PBAPP yang berkesan untuk melatih para profesional air dalam industri air di seluruh Malaysia.

Lim berkata PBAPP mencatatkan peratusan NRW sebanyak 17.6 peratus pada tahun 2012 berbanding purata NRW negara sebanyak 36.4 peratus sebagaimana dilaporkan dalam Garis Panduan Industri Air Malaysia 2013.

Dalam perkembangan berasingan, Lim berkata tidak akan berlaku catuan air walaupun tiada hujan pada April berikutan permintaan bekalan air yang berkesan dan pengurusan pembekalan air oleh PBAPP.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022800>